

PEJABAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR JUARA ANUGERAH Si2TE 2019 *BEST OF THE BEST*

KULIM: Pejabat Kerajaan Negeri Selangor dinobatkan sebagai juara Anugerah SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo (Si2TE) 2019 Best of the Best melalui projek inovasi *Overflow Tripping System (OTS)*.

Projek inovasi tersebut yang diketuai oleh Norhisham Mamat @ Zakaria berjaya membangunkan OTS iaitu sistem keselamatan tambahan pada sistem tangki air domestik dan pencegah kebakaran, bagi mengelakkan limpahan air.

Antara anugerah lain yang dipertandingkan adalah Si2TE 2019 *Young Inventor* (kategori sekolah rendah) *Award* dimenangi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ringlet ; Si2TE 2019 *Young Inventor* (kategori sekolah menengah) *Award* dimenangi Maktab Rendah Sains MARA Baling; Si2TE 2019 *Best Inventor* (kategori vokasional dan matrikulasi) *Award* dimenangi Institut Kemahiran MARA Seberang Prai Utara; Si2TE 2019 *Best Inventor* (kategori profesional) *Award* dimenangi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Si2TE 2019 *SME Innovation Award* dimenangi YJACK Technology Sdn Bhd; Si2TE 2019 *Special Award* dimenangi Al Azhar 26 Islamic Senior High School serta Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok; dan Si2TE 2019 *Green Invention Award* dimenangi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Anugerah berkenaan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Ooi Tze Min. Hadir sama Naib Presiden Penyelidikan Perindustrian SIRIM, Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman pada Majlis Penutup Si2TE, pada 18 April 2019.

SIRIM Berhad, sebuah agensi penyelidikan dan teknologi utama negara di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menganjurkan Si2TE 2019 bermula dari 16 hingga 18 April, di sini, bagi membudayakan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan masyarakat yang memberi fokus dalam bidang Industri 4.0.

Si2TE 2019 merupakan pertandingan yang mengetengahkan hasil penyelidikan dan produk-produk yang telah dibangunkan oleh penyelidik Malaysia. Program tiga hari itu, melibatkan peserta dalam kalangan penyelidik, ahli akademik dan industri, institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah rendah, menengah dari dalam dan luar negara serta usahawan kecil dan sederhana.

Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman berkata, Si2TE 2019 telah menerima sebanyak 381 penyertaan berbanding 250 penyertaan pada tahun 2018.

“Daripada jumlah penyertaan tahun ini, sebanyak 39 penyertaan daripada sekolah rendah; 193 penyertaan daripada sekolah menengah; 139 daripada agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, kolej komuniti, kolej kemahiran tinggi, institut kemahiran belia dan kolej matrikulasi dari seluruh negara; 10 penyertaan diterima daripada Perusahaan Kecil dan

Sederhana (PKS); dan lapan penyertaan daripada Al Azhar Islamic Junior High School, Indonesia.

“Kesemua 10 syarikat PKS yang menyertai pertandingan ini adalah syarikat yang telah diaudit di bawah Program Audit Teknologi SIRIM-Fraunhofer,” katanya.

Program ini juga turut disertai oleh Pusat Nanoteknologi Kebangsaan, Pusat Sains Negara, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Pusat Penyelidikan Perindustrian Bioteknologi SIRIM dan Prosteam Innovation Academy.

Antara aktiviti lain yang diadakan pada Si2TE adalah ceramah umum yang disampaikan oleh Pusat Stem Negara serta Nano Malaysia Berhad dan pameran teknikal dari Pusat Perindustrian Inovasi (IC- Innovation) SIRIM yang menerangkan berkenaan aktiviti penyelidikan, peluang kerjasama dan khidmat pengujian yang dilakukan oleh setiap IC Innovation SIRIM.



Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Ooi Tze Min (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo (Si2TE) 2019 Best of the Best kepada Pejabat Kerajaan Negeri Selangor melalui projek inovasi Overflow Tripping System (OTS), bersama beliau Naib Presiden Penyelidikan Perindustrian SIRIM, Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman (lima dari kanan) pada Majlis Penutup Si2TE, Khamis.